Pulau Batu Puteh : Isu pertikaian hak kedaulatan antara Malaysia dan Singapura[1]

WAN SITI ADIBAH BT WAN DAHALAN

ABSTRAK

Pada bulan Disember 1979, Malaysia telah membentangkan peta wilayah negara (peta yang menunjukkan secara spesifik sempadan perairan wilayah dan pelantar benua Malaysia) yang memasukkan Pulau Batu Puteh (Pedra Branca), Pulau Batuan Tengah (Middle Rock) dan Pulau Tubir Selatan (South Ledge) ke dalam wilayah Malaysia. Isu pemetaan Malaysia menyebabkan bermulanya pertikaian hak kedaulatan pulau-pulau tersebut di antara Malaysia dan Singapura. Pembahagian sempadan maritim itu membolehkan Malaysia menguatkuasakan undang-undang dan peraturan-peraturannya di dalam penggunaan laut dan mengeksplotasi sumber-sumber galian di dalam perairan wilayahnya. Malaysia melakukan pemetaan memasukkan Pulau Batu Puteh ke dalam wilayahnya kerana Kesultanan Johor tidak pernah menyerahkan pulau tersebut kepada British pada tahun 1824. Singapura mendakwa telah mentadbir Pulau Batu Puteh dan menguruskan Rumah Api Horsburgh sejak 1851, iaitu setelah Singapura diperintah oleh British berikutan Perjanjian Inggeris Belanda pada tahun 1824. Pertikaian hak kedaulatan pulau-pulau tersebut telah dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (mahkamah) di Hague, Belanda melalui Perjanjian Khas yang telah ditandatangani pada 9 Februari 2003. Tujuan artikel ini ditulis ialah untuk mengkaji penghakiman yang telah diputuskan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa mengenai perebutan Pulau Batu Puteh yang telah diputuskan pada 23 Mei 2008.

ABSTRACT

In December 1979, Malaysia has published a map ascertained her territory sea boundary (the map has shown specifically the maritime delimitation of Malaysia territorial sea and continental shelf) which includes Pulau Batu Putih, Pulau Batuan Tengah and Pulau Tubir Selatan into Malaysia's territory. The issue of Malaysia territory claim on the map was the starting point of sovereignty dispute of those islands between Malaysia and Singapore. The maritime boundary enables Malaysia to enforce its law and regulations in managing and exploiting the mineral resources in the territorial sea. Malaysia ascertained Pulau Batu Putih into her territory

[1] Kupasan mengenai isu ini dibuat sebelum laporan penghakiman dikeluarkan oleh Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

because Sultanate of Johore has never given the island to British Crown in 1824. Singapore claimed that they have administered and managed the Horsburgh Light House since 1851, after Singapore was colonized by British according to British – Dutch Agreement in 1824. The sovereignty dispute has been brought to the International Court Of Justice through a Special Agreement signed on the 9th February 2003. The purpose of this article is to examine the judgment by the International Court of Justice which has been delivered on 23rd May 2008.

PENGENALAN

Pemerolehan hak kedaulatan Pulau Batu Puteh menjadi pertikaian antara Malaysia dan Singapura. Pulau tersebut dinamakan sebagai Pulau Batu Puteh oleh Malaysia manakala pulau itu juga dikenali dengan nama *Pedra Branca* oleh Singapura. Meskipun begitu keduanya membawa maksud batu puteh dalm Bahasa Melayu dan Bahasa Portugis. Pulau Batu Puteh mempunyai keluasan 2000 meter persegi terletak di pertemuan Selat Johor dan Laut China Selatan. Pulau Batu Puteh terdiri dari batu dan tidak mempunyai tumbuhan dan kehidupan di atasnya. Pulau tersebut menempatkan Rumah Api Horsburgh[2] untuk memudahkan laluan kapal melalui perairan tersebut dengan selamat[3]. Pulau Batu Puteh terletak sejauh kira-kira 7.7 batu nautika dari Pulau Penyusop, Johor dan kira-kira 25 batu nautika dari sempadan Singapura. Manakala tuntutan terhadap pulau-pulau yang berhampiran iaitu Pulau Batuan Tengah[4] yang terletak 0.5 batu nautika dari Pulau Batu Puteh dan Pulau Tubir Selatan yang terletak 1.7 batu nautika dari Pulau Batuan Tengah dibuat di Singapura pada tahun 1993[5].Dianggarkan seramai 1500 nelayan (Johor) Malaysia berdaftar dengan Persatuan Nelayan Pengerang menangkap ikan di kawasan 'lubuk emas' di Pulau Batu Puteh. Kawasan perairan tersebut terdapat banyak ikan bawal, jenahak, kurau, kerapu serta ikan sagai kerana kawasan yang mempunyai batu karang banyak mengandungi ikan[6]. Kebiasaannya Pulau Batu Puteh dijadikan tempat berteduh ketika nelayan Malaysia menghadapi ombak besar dan ribut. Nelayan Malaysia tidak dibenarkan menangkap ikan di situ sejak 20 tahun lepas kerana perairan tersebut dikawal oleh kapal peronda Singapura.

DEFINISI "PULAU" DAN LAKARAN PERAIRAN MENURUT KONVENSYEN UNDANG-UNDANG LAUT ANTARABANGSA

Peruntukan mengenai definisi "pulau" terkandung di dalam Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa 1982 (*UNCLOS 1982).* Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa 1982 mengandungi pembahagian zon-zon maritim sesebuah

---

[2] Rumah Api Horsburgh mengambil nama sempena Kapten James Horsburgh dari Scotland yang bekerja dengan Syarikat Hindia Timur, beliau telah mengumpul dana bagi membina rumah api tersebut.

[3] Singapura telah membina radar komunikasi perkapalan pada tahun 1989 dan tapak pendaratan helikopter pada tahun 1992 di Pulau Batu Puteh meskipun telah menerima nota-nota bantahan dari Malaysia.

[4] Pulau Batuan Tengah terdiri dari kumpulan terumbu dan Pulau Tubir Selatan terbentuk daripada batu yang hanya dapat dilihat pada waktu air laut surut.

[5] Secara geologi, kedudukan, sejarah dan undang-undang; Pulau Batuan Tengah dan Pulau Tubir Selatan tidak bersambung dengan Pulau Batu Puteh.

[6] Amirullah Andi Nur, Norfatimah Ahmad, Faiza Zainudin & Siti Fatimah Mohamed Anwar. 2008. *Hasrat lebih 2,000 nelayan musnah. Berita Harian*, 24 Mei:6

negara perairan pantai dan peraturan-peraturan lain yang melibatkan penggunaan laut seperti pelayaran kapal-kapal, perikanan, perlindungan dan pemuliharaan persekitaran marin dan lain-lain[7]. Definisi "pulau" terkandung dalam *Article 121 Regime of Islands (UNCLOS 1982)*

1. *An island is a naturally formed area of land, surrounded by water, which is above water at high tide.*
2. *Except as provided for in paragraph 3, the territorial sea, the contiguous zone, the exclusive economic zone and the continental shelf of an island are determined in accordance with the provisions of this Convention applicable to other land territory.*
3. *Rocks which cannot sustain human habitation or economic life of their own shall have no exclusive economic zone or continental shelf.*

Menurut definisi pulau di dalam *UNCLOS 1982* ialah sekeping tanah yang dikelilingi oleh air laut ketika air laut pasang. Pulau yang membolehkan manusia hidup di atasnya adalah dibenarkan oleh *UNCLOS 1982* untuk melakarkan sempadan maritim seperti sempadan laut wilayah[8] (*territorial sea*), sempadan laut berdampingan (*contiguous zone*), sempadan Zon Ekonomi Eksklusif (*Exclusive Economic Zone*) dan Pelantar Benua (*Continental Shelf*) di sekeliling pulau tersebut.

Apa yang menarik perhatian ialah pulau yang terbentuk dari batu hanya dibenarkan oleh *UNCLOS 1982* untuk melakar sempadan laut wilayah[9] (territorial sea) dan sempadan laut berdampingan sahaja (*contiguous zone*)[10]. Walaubagaimanapun *UNCLOS 1982* tidak membenarkan pulau yang terbentuk dari batu melakar sempadan maritim Zon Ekonomi Eksklusif[11] dan sempadan Pelantar Benua[12]. Ini bermakna Pulau Batu Puteh (pulau yang terbentuk dari batu) dibenarkan melalui *UNCLOS 1982* untuk melakar sempadan maritim laut wilayah dan sempadan laut berdampingan sahaja.

---

[7] Malaysia telah meratifikasi UNCLOS 1982 pada 14 Oktober 1996.

[8] Menurut Artikel 3 *UNCLOS* 1982 setiap negara perairan pantai berhak untuk melakar sempadan perairan wilayah tidak melebihi jarak 12 batu nautika dari garis pangkal. Permulaan pembahagian sempadan maritim dimulakan dengan lakaran garis pangkal bagi negara pesisir pantai yang mempunyai bentuk muka bumi yang lurus dan tidak berlekuk.

[9] Perairan wilayah memberikan hak kedaulatan mutlak kepada sesebuah negara persisiran pantai melepasi tanah daratan, perairan dalaman dan termasuk ruang udara dan tanah dasar laut.

[10] Dalam perairan berdampingan, negara pesisir pantai boleh menguatkuasakan dan menghukum perlanggaran undang-undang kastam, fiscal, immigresen dan undang-undang mengenai perlindungan kesihatan yang dilakukan dalam perairan wilayah. Had kepanjangan perairan berdampingan ialah 12 batu nautika (ke arah laut) dari perairan wilayah.

[11] Dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) pula, negara pesisir pantai mempunyai kepanjangan (ke arah laut) 200 batu nautika dari garis pangkal. Dalam ZEE, negara mempunyai hak dan bidang kuasa dalam menjelajahi dan mengeksplotasi, memulihara dan menguruskan sumber-sumber asli yang hidup dan yang tidak hidup. Antaranya termasuk bidang kuasa menjelajahi dan mengeksplotasi penghasilan tenaga dari air, ombak dan angin di samping pengendalian penggunaan pulau buatan manusia, melakukan penyelidikan sains marin dan perlindungan serta pemuliharaan persekitaran marin.

[12] Pelantar Benua pula ialah terdiri dari tanah dasar laut bermula dari 200 batu nautika dari garis pangkal perairan wilayah ke arah laut. Negara pesisir pantai mempunyai hak kedaulatan terhad dalam menjelajahi dan mengeksplotasi sumber-sumber semulajadi (mengandungi mineral, bahan semulajadi tidak hidup dan organisma hidup yang terdiri dari spesis yang menetap di situ).

Manakala Pulau Tubir Selatan terbentuk dari batu dan hanya dapat dilihat ketika air laut surut. Menurut peruntukan *UNCLOS 1982,* Pulau Tubir Selatan tidak boleh dianggap pulau memandangkan definisi pulau ialah sekeping tanah yang di kelilingi air laut ketika air laut pasang. Namun begitu terdapat peruntukan lain dalam *UNCLOS 1982* yang boleh dimasukkan dalam kategori Pulau Tubir Selatan iaitu; *A low –tide elevation is a naturally formed area of land which is surrounded by and above water at low tide but submerged at high tide*[13]. Peruntukan ini bermaksud *a low tide elevation* atau *drying rocks* adalah 'pulau' yang dikelilingi air laut ketika air surut tetapi 'pulau' tersebut tenggelam ketika air laut pasang. Peruntukan ini jelas menggambarkan spesifikasi Pulau Tubir Selatan. Lakaran pembahagian sempadan bagi pulau sebegini ialah jika pulau tersebut termasuk dalam perairan wilayah dari tanah besar (*main land*), maka takat air surut pulau berkenaan boleh dijadikan sebagai takat sempadan perairan wilayah. Jika pulau tersebut terletak melebihi sempadan perairan wilayah dari tanah besar (*main land*), maka mengikut peruntukkan *UNCLOS* 1982 pulau tersebut tidak boleh melakar perairan wilayahnya di sekeliling pulau tersebut.

Pada asasnya negara perairan pantai berhak untuk memilih lakaran garis pangkal (*baselines)* sebagai permulaan lakaran maritim asalkan mengikut bentuk muka buminya[14]. Jika negara perairan pantai mempunyai pulau-pulau di perairan pantainya, lakaran garis pangkal boleh dimulakan dengan... *the method of straight baselines joining appropriate points may be employed in drawing the baseline from which the breadth of territorial sea is measured*[15]. Malaysia telah mempunyai rang undang-undang garis pangkal zon maritim 2006[16].

HUJAH-HUJAH YANG DIKEMUKAKAN DI MAHKAMAH KEADILAN ANTARABANGSA

Isu-isu berkaitan pertikaian hak kedaulatan Pulau Batu Puteh semasa berlakunya perbicaraan di mahkamah ialah pertamanya, Singapura mendakwa Pulau Batu Putih *terra nullius* atau tidak bertuan pada tahun 1847[17]. Malaysia menyangkal hujah Singapura dan Pulau Batu Puteh ialah pulau yang mempunyai tuan dan pemiliknya ialah Kesultanan Johor. Keduanya, Singapura mendakwa membuktikan pada tahun 1847 sehingga 1851, Britain mempunyai pemilikan ke atas Pulau Batu Puteh tanpa perlu mendapat kebenaran sebarang Sultan tempatan. Malaysia menyangkal hujah Singapura, Sultan dan Temenggong Johor memberi kebenaran kepada British melalui surat bertarikh 1844 kepada Gabenor Butterworth untuk membina dan mentadbir rumah api di pulau tersebut. Ketiganya, Singapura mendakwa berjaya membuktikan dalam tempoh 1847 sehingga 1851, British memperolehi hak kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh dengan memenuhi syarat dua criteria, iaitu niat dan kegiatan yang menggambarkan British mempunyai hak kedaulatan. Malaysia tidak perlu

[13] Artikel 13, UNCLOS 1982.
[14] Artikel 14, UNCLOS 1982.
[15] Artikel 7, UNCLOS 1982.
[16] Rang Undang-Undang Garis Pangkal Maritim 2006. Akta ini mengandungi 9 seksyen dan memperuntukkan bagaimana lakaran garis pangkal dibuat bagi menentukan zon maritim Malaysia.
[17] Khairul Bahri Basaruddin.2007. *Hujah dakwa Batu Puteh tak bertuan 'longgar'. Berita Harian*, 22 November: 8.

mengemukakan sebarang bukti *effectivites* atau pentadbiran berkesan ke atas pulau? kerana Malaysia mempunyai hak milik asal ke atas pulau tersebut. Keempatnya, Singapura mendakwa pemangku setiausaha kerajaan Johor telah menulis surat rasmi kepada Singapura bahawa Johor tidak menuntut hak milik pulau tersebut. Malaysia berhujah tindak-tanduk pegawai kerajaan itu dari segi undang-undang antarabangsa tidak meninggalkan kesan, kuasa dan kepentingan dalam kes ini.

KEPUTUSAN PENGHAKIMAN MAHKAMAH KEADILAN ANTARABANGSA

Mahkamah Keadilan Antarabangsa (mahkamah) dalam penghakimannya memutuskan Singapura mempunyai hak ke atas Pulau Batu Puteh dan Malaysia mempunyai hak ke atas Pulau Batuan Tengah[18]. Manakala hak milik Pulau Tubir Selatan akan ditentukan mengikut persempadanan perairan negara yang menguasainya[19]. Mahkamah memberikan keputusan berdasarkan dua perkara[20] :

Dalam penghakiman tersebut, tuntutan Kesultanan Johor terhadap hak kedaulatan keatas Pulau Batu Puteh, Pulau Batuan Tengah dan Pulau Tubir Selatan diikhtiraf tetapi hakim mengambil kira bahawa lebih daripada 100 tahun Malaysia tidak berbuat apa-apa untuk menunjukkan haknya keatas pulau itu[21]. Mahkamah menerima hujah Malaysia bahawa Kesultanan Johor mempunyai hak kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh bermula sebelum 1800 hingga 1840. Kenyataan ini disokong serta disahkan melalui tindakan Sultan Johor ke atas Orang Laut yang tinggal di kepulauan Selat Singapura termasuk Pulau Batu Puteh serta menjadi kawasan marin itu tempat penginapan mereka. Seterusnya hak kedaulatan pulau tersebut terus berada di bawah Kesultanan Johor melalui perjanjian British-Belanda1824, Triti Crawford 1824 dan apabila Sultan Johor bersetuju menyerahkan Singapura kepada Syarikat Hindia Timur. Mahkamah menimbang fakta kedudukan perundangan ke atas pulau tersebut selepas 1840, iaitu melihat kepada kegiatan atau tindakan yang dilakukan oleh pihak terbabit dalam tempoh tersebut. Kegiatan Malaysia dalam proses pembinaan rumah api serta sistem lampu selat, perkembangan perlembagaan Malaysia dan Singapura serta peraturan perikanan Johor pada 1860, tidak dapat membantu memuktamadkan kes depan mahkamah. Sebaliknya mahkamah menerima kegiatan atau tindakan Singapura seperti penyiasatan Singapura berhubung kapal karam dalam perairannya, permohonan kebenaran pegawai Malaysia membuat kerja ukur di perairan pulau itu, tindakan Malaysia mendiamkan diri apabila Singapura mengibarkan benderanya di Pulau Batu Puteh, pemasangan alat komunikasi tentera pada 1977, polisi dan cadangan kerja penambakan laut serta peta. Berdasarkan fakta-fakta yang dinyatakan itu mahkamah memutuskan Singapura sudah mempunyai hak kedaulatan ke atas Pulau Batu Puteh sejak 1980 lagi.

---

[18] Penghakiman setebal 81 halaman dibacakan oleh Naib Presiden ICJ, Hakim Awn Shawkat Alkhasawneh. Keputusan berhubung Pulau Batu Putih, 12 hakim memihak Singapura dan 4 hakim (dari Venezuela, Jerman, Peranchis dan Afrika Selatan) memihak Malaysia. Keputusan berhubung Pulau Batuan Tengah, 15 hakim memihak Malaysia dan seorang hakim memihak Singapura.

[19] Keputusan berhubung Pulau Tubir Selatan, 15 hakim memihak pulau tersebut hak negara perairannya.

[20] Khairul Bahri Basaruddin.2008. *Batu Puteh hak Singapura*. *Berita Harian*, 24 Mei: 1

[21] Palmas Island Arbitration (RIAA, Vol.2 (1949) hal.1105, 1108 .. pulau yang tidak didiami hanya perlu memenuhi syarat ...*effectiveness of occupation was satisfied by rather minimal acts of state authority*

Selain dari itu, hakim merujuk surat Penolong Setiausaha kerajaan Johor pada 21 September 1953 kepada Singapura yang Johor tidak menuntut hak milik ke atas Pulau Batu Puteh, dianggap oleh mahkamah pengakuan penyerahan kedaulatan pulau tersebut kepada Singapura. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Teknikal yang dibentuk oleh kedua-dua negara tersebut akan mengkaji hasil keputusan itu dan memulakan perbincangan untuk mencari kaedah penyelesaian kedudukan Pulau Tubir Selatan yang tidak diputuskan pemiliknya dan hal-hal lain yang berkaitan dalam penghakiman tersebut.

ANALISIS KEPUTUSAN PENGHAKIMAN MAHKAMAH KEADILAN ANTARABANGSA

Penghakiman mahkamah dalam kes ini cenderung kepada isu-isu kegiatan atau tindakan yang telah dilakukan oleh Singapura selepas tahun 1840. Mahkamah mengaplikasikan isu *a titre de souverain (*tindak-tanduk yang menunjukkan sesebuah negara mempunyai kedaulatan), jika gagal dipenuhi boleh menyebabkan sesebuah negara terlepas kedaulatan keatas jajahannya[22]. Namun penulis berpendapat sebarang tindakan atau aktiviti yang dilakukan oleh Singapura (seperti mentadbir rumah api, pengibaran bendera Singapura, memasang peralatan komunikasi perkapalan, merancang penambakan laut dan lain-lain seperti dinyatakan diatas) tidak sepatutnya mengubah hak asal pemilik pulau tersebut (Malaysia). Ini kerana Mahkamah pada dasarnya bersetuju bahawa Pulau Batu Puteh di bawah kedaulatan kesultanan Johor bagi tempoh 1800-1840. Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Singapura terhadap pulau tersebut tidak boleh dibuat tafsiran sebagai menunjukkan Malaysia melepaskan Pulau Batu Puteh kepada Singapura. Mahkamah menolak fakta Singapura bahawa pulau itu *terra nullius* (tidak bertuan). Malaysia tidak melakukan apa-apa terhadap Pulau Batu Puteh kerana menghormati *status quo* Singapura yang mentadbir rumah api Horsburgh. Pembinaan radar dan pendaratan helikopter oleh Singapura di pulau itu juga telah dibantah oleh kerajaan Malaysia menerusi nota bantahan, namun Singapura tetap melaksanakannya. Tetapi yang nyata Mahkamah memberi fokus kepada kegiatan Singapura sebagai menunjukkan kawalan eksklusif dan hak kedaulatan Singapura.

Mahkamah dalam kes ini tidak memberikan keputusan berdasarkan pertimbangan kepada jarak pulau tersebut yang ternyata paling hampir kepada Malaysia jika dibandingkan dengan Singapura. Sebaliknya Pulau Batuan Tengah yang jaraknya tidak sampai satu kilometer dari Pulau Batu Puteh pula diberikan milikan hak kepada Malaysia. Keputusan mahkamah dalam kes ini akan menimbulkan masalah berkaitan lakaran pembahagian laut bagi sempadan perairan Malaysia dan Singapura dalam konteks Pulau Batu Puteh dan Pulau Batuan Tengah.

Surat dari pemangku Setiausaha Kerajaan Johor yang mengatakan Johor tidak menuntut hak milik Pulau Batu Puteh sepatutnya tidak meninggalkan kesan dan tidak mengubah fakta pulau tersebut jatuh kepada Singapura. Ini kerana secara asasnya surat dari seorang pegawai kerajaan tidak mengikat kerajaan dalam soal menyerahkan kedaulatan wilayah sesebuah negara kepada negara luar. Tambahan lagi

---

[22] Noraini Abd Razak.2008. *Bukan hilang maruah. Mingguan Malaysia*, 25 Mei:6

pada tarikh itu Johor berada dalam Persekutuan Tanah Melayu dan surat yang dihantar oleh seorang pegawai kerajaan tidak mengikat Malaysia kerana ia bersifat satu tindakan berdasarkan undang-undang persendirian dan bukan undang-undang antarabangsa. Menurut kenyataan Peguam Negara "cara surat-menyurat itu dijalankan menyalahi prosedur dan silap kerana hanya Pesuruhjaya Tinggi British atas nasihat dan persetujuan Majlis Perundangan Persekutuan boleh membuat undang-undang mengenai hal ehwal luar serta pertahanan".[23]

Adalah penting bagi Malaysia untuk bersiap sedia dalam perbincangan melalui satu jawatankuasa teknikal di antara Malaysia dengan Singapura hasil dari keputusan mahkamah. Semua pakar undang-undang antarabangsa, pakar sejarah, pegawai dari kementerian dalam dan luar negeri dan lain-lain pihak yang berkaitan perlu menggembeling tenaga untuk mendapatkan satu resolusi bagi menjaga dan melindungi hak kedaulatan dan perairan Malaysia[24]. Pembahagian pulau-pulau tersebut oleh mahkamah akan menimbulkan kesan lakaran perairan wilayah (*territorial sea*) dan sempadan-sempadan perairan lain yang kompleks terutamanya kedudukan Pulau Batu Putih yang agak hampir dengan Malaysia tetapi menjadi wilayah Singapura. Lakaran perairan wilayah dan sempadan maritim yang lain akan menjadi rumit sebab Pulau Batuan Tengah yang jaraknya 1 kilometer dari Pulau Batu Puteh menjadi milik Malaysia.

Perincian tentang perairan Malaysia di kawasan Pulau Batuan Tengah adalah perlu bagi memberi panduan kepada nelayan Malaysia mengenai kawasan tangkapan nelayan tempatan. Disamping itu, isu laluan kapal terbang juga perlu diberi perhatian ketika perbincangan jawatankuasa teknikal dilakukan. Melalui perbincangan ini jugalah seharusnya ditentukan Pulau Tubir Selatan samada akan menjadi milik Malaysia atau Singapura.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa adalah muktamad dan mengikat Malaysia dan Singapura. Malaysia perlu akur dengan keputusan mahkamah meskipun pahit kerana telah kehilangan Pulau Batu Puteh. Walaubagaimanapun Malaysia diberikan hak milik Pulau Batuan Tengah dan hak milik bagi Pulau Tubir Selatan bergantung samada pulau tersebut termasuk di dalam perairan negara Malaysia atau Singapura.

Berikut ialah komen penulis mengenai pengajaran yang boleh dijadikan ikhtibar dari pengalaman kehilangan sebuah wilayah negara kita iaitu Pulau Batu Puteh;

i) Malaysia perlu menyenaraikan semua pulau yang termasuk dalam perairan negara dan perlu melakukan aktiviti yang sesuai dan sewajarnya di atas pulau itu untuk menunjukkan kedaulatan negara Malaysia ke atas pulau tersebut. Sebarang tindakan kita perlu didokumenkan untuk menjadi bukti hak kita terhadap wilayah tersebut untuk kepentingan sekarang dan masa hadapan (sebagai contoh dokumen perjanjian pentadbiran rumah api di Pulau Pisang, Johor

---

[23] Khairul Bahri Basaruddin.2007. 2 *bukti baru Malaysia. Berita Harian*, 22 November: 1

[24] Kenyataan Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Dr Rais Yatim menerusi TV 1 , dalam rancangan , *Isu Semasa dan Politik Semasa,* 26 Mei 2008, pukul 2100.

kepada Singapura). Sewajarnya kita perlu menyimpan semua dokumen penting tersebut di dalam Arkib Negara. Meskipun agak malang kerana mahkamah mengambilkira surat dari pegawai kerajaan Johor yang tidak melepaskan Pulau Batu Puteh kepada Singapura sebagai bukti, kita juga perlu berhati-hati di masa hadapan di dalam mengeluarkan kenyatan bertulis dan perlu mendapatkan nasihat dari pakar undang-undang di dalam sebarang isu penting melibatkan kedaulatan negara.

ii) Jawatankuasa Teknikal dari Malaysia akan menggalas satu tanggungjawab yang berat sebab Jawatankuasa inilah yang terlibat untuk mencari jalan penyelesaian mengenai pembahagian sempadan maritim laut yang bertindan dengan Singapura. Keputusan mahkamah yang memberikan Pulau Batu Puteh kepada Singapura meskipun pulau tersebut lebih hampir dengan Malaysia dan kedudukan Pulau Batuan Tengah yang menjadi milik Malaysia akan menimbulkan satu pembahagian sempadan maritim yang sukar, tidak jelas dan agak janggal. Walaupun Pulau Tubir Selatan adalah terbentuk dari batu ketika air laut surut (dan pulau tersebut tidak kelihatan ketika air laut pasang) namun kita mesti memperjuangkan untuk mendapatkan pulau tersebut demi maruah negara dan untuk mengurangkan kuasa maritim Singapura di kawasan tersebut. Dalam perbincangan jawatankuasa teknikal tersebut, Malaysia perlu memasukkan isu polisi dan rancangan penambakan laut oleh Singapura di Pulau Batu Puteh. Singapura tidak boleh dibenarkan menambak laut sewenang-wenangnya di Pulau Batu Putih kerana kesan dari penambakan laut disekitar Pulau Batu Putih kelak akan menjejaskan dan mengubah pembahagian sempadan maritim yang telah dipersetujui. Pada asasnya tidak ada peruntukan dalam *UNCLOS 1982* mengenai penambakan laut dan keadaan ini sudah pasti memberikan kedudukan yang tidak begitu memihak kepada Malaysia jika di bandingkan dengan Singapura[25]. Malaysia juga wajar untuk memastikan dan membantah apa juga aktiviti yang dilakukan oleh Singapura di Pulau Batu Puteh yang akan mengganggu aktiviti kita di Pulau Batuan Tengah. Sebagai contoh, aktiviti yang perlu dipantau oleh Malaysia ialah apabila Singapura telah memasang radar komunikasi perkapalan di Pulau Batu Puteh.

iii) Kerajaan juga perlu membela nasib nelayan-nelayan Johor ketika mencari rezeki di laut. Mereka perlu diberitahu kawasan perairan negara di mana mereka boleh mencari ikan terutama setelah pembahagian maritim yang baru telah dipersetujui. Kapal peronda Malaysia perlu melakukan perondaan di kawasan tersebut untuk menjaga perairan yang bertindan dengan perairan Singapura.

[25] Pertikaian mengenai penambakan laut secara agresif oleh Singapura di Pulau Tekong dan Tuas telah menyebabkan pencemaran ekosistem marin, mengganggu laluan pelayaran Malaysia dan kelak memberi kesan kepada pembahagian sempadan yang telah dipersetujui oleh Malaysia dan Singapura. Keputusan Tribunal Undang-Undang Laut Antarabangsa pada 8 Oktober 2003 telah bersetuju bahawa Singapura perlu mengubah suai penambakan laut di Pulau Tekong dan Singapura perlu menggorek kawasan laut yang dikenal pasti di samping membayar RM 374,400 kepada nelayan Malaysia sebagai pampasan.

iv) Pada asasnya, Malaysia adalah sebuah negara perairan pantai yang mempunyai selat antara bangsa yang sibuk, kedudukan sempadan maritim yang bertindan dengan negara-negara jiran yang berdekatan, memiliki laut yang kaya dengan sumber asli, ikan dan lain-lain. Sehubungan dengan itu Malaysia perlu mengumpulkan pakar-pakar tempatan dari undang-undang laut antarabangsa, pakar dari undang-undang antarabangsa, pakar dari sains marin, pakar dari ahli sejarah dan pihak lain yang berkaitan untuk menjalankan penyelidikan dan menambahkan kepakaran mereka untuk bersiap-sedia dan setanding dengan negara luar demi untuk menjaga maruah negara.

v) Sudah sampai masanya bagi Malaysia untuk melakar dan mengemaskinikan semua sempadan maritim untuk menunjukkan dan melaksanakan aktiviti yang sewajarnya di perairan kita dan melaporkan kedudukan sempadan maritim itu kepada Bangsa-Bangsa Bersatu seperti yang disarankan dalam *UNCLOS 1982.* Adalah menjadi kewajipan semua pihak yang berkaitan untuk memastikan peristiwa kehilangan Pulau Batu Puteh tidak berulang lagi. Sewajarnya Kerajaan tidak boleh memandang remeh dan tidak mengambil berat mengenai wilayah dalam Malaysia kerana pihak luar sentiasa bersedia untuk mengambil kesempatan kerana kealpaan ini.

Wan Siti Adibah Wan Dahalan
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Emel : wsa@ukm.my